

Harap tuah penjaja lauk singgang

Peniaga asal Medan Selera Damai alu-alukan kemasukan peniaga baharu

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
KUALA LUMPUR

Penempatan penjaja singgang dari Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Kampung Baru ke Medan Selera Singgang Madani@Batu Bata, Titiwangsa diharap memberi impak kehadiran pelanggan kepada peniaga sedia ada.

Medan Selera Singgang Madani@Batu Bata yang sebelum ini dikenali sebagai Medan Selera Damai memiliki lebih 40 unit lot kedai, namun keadaannya sepi tanpa pengunjung selain hanya beberapa unit sahaja yang beroperasi.

Peniaga asal ditemui di medan selera itu berterima kasih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang menjadi pencetus kepada perubahan yang diharap membawa limpahan rezeki buat mereka.

Peniaga, Sumiati Sianturi, 60, berkata hanya lima kedai berniaga menyebabkan pengunjung



Hanya lima kedai beroperasi menyebabkan Medan Selera Damai kekurangan pelanggan.

kurang berminat ke medan selera itu manakala peniaga baharu masih belum memulakan perniagaan mereka.

Menurut Sumiati, kebiasaannya dia hanya memperoleh pendapatan kira-kira RM300 sehari selepas berniaga bermula jam 7 pagi sehingga 12 tengah malam dan pendapatan diperoleh hanya sekadar cukup makan sahaja.

"Sebab itu peniaga lama berharap kehadiran peniaga baharu dari Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1 di Kampung Baru dapat mengubah suasana sepi ini menjadi lebih meriah dengan kehadiran pengunjung.

"DBKL juga sudah mengubah keadaan medan selera ini menjadi lebih baik termasuk kemudahan parkir yang luas," kata-

nya ketika ditemui pada Selasa.

Sumiati yang sudah berniaga selama 13 tahun di situ yakin usaha mempromosikan semula medan selera berkenaan dapat meningkatkan kehadiran pelanggan dan menambah pendapatan peniaga.

Terdahulu pada Isnin, DBKL melaksanakan kerja meroboh gerai di Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Kampung Baru selepas mengeluarkan notis pengosongan pada Oktober lalu.

Sementara itu, peniaga di Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Mohd Sabri Seman, 62, berkata hanya dapat memulakan perniagaan selepas memindahkan semua peralatan memasak.

"Lot kedai agak kecil berbanding sebelum ini dan berharap DBKL mempertimbangkan untuk peniaga menyewa dua lot kedai," katanya.

